

Headline **Majlis raikan kejayaan pelajar MSU**
Date **01 Feb 2010**
MediaTitle **Dara**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Monthly**
Circ / Read **46,000 / 138,000**

Language **Malay**
Page No **135**
Article Size **211 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,648**
PRValue **7,944**



Majlis raikan kejayaan pelajar MSU

Management & Science University (MSU) melalui Student & Career Development (SCD) Unitnya telah menganjurkan program meraikan kejayaan pelajar MSU dalam mencipta rekod baru dalam *Malaysia Book of Records*. Acara yang dikenali sebagai MSU *Aids Awareness Run 2009* ini dijalankan khusus bersempena sambutan Hari Aids Sedunia yang disambut pada 1 Disember setiap tahun. Selain itu, ia juga merupakan usaha yang dijalankan MSU dalam membangkitkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang bahayanya AIDS serta kempen yang dijalankan. MSU *Aids Awareness Run 2009* melibatkan penyertaan 80 pelajar MSU dan meliputi larian baton tanpa henti sejauh 2200 km serta mengambil masa selama 168 jam. Acara larian ini telah bermula pada 10 Disember dan berakhir pada 17 Disember iaitu selama tujuh hari enam malam bertempat di Tasik Shah Alam serta merupakan satu rekod baru di dalam *Malaysia Book of Records*. Majlis ini dirasmikan oleh Prof. Dato' Mohd Shukri Ab. Yajid, Presiden MSU dan Kumpulan Kolej PTPL.